


Sensitif isu

Sinar 10/7/2011 51.

agama Islam

Ayat suci tidak diletak tempat sepatutnya



Seorang kanak-kanak memegang kepingan gambar tertera ayat al-Quran bercampur dengan gambar berunsur ketuhanan pelbagai agama lain yang dijual.

BATU CAVES – Pihak berkuasa terutama Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) digesa memantau premis perniagaan yang tidak sensitif apabila menjual barang perhiasan tertera ayat suci al-Quran.

Ia susulan sebuah pusat pelancongan di sini didapati menjual hiasan dinding gambar masjid tertera ayat suci al-Quran bersama-sama gambar ketuhanan agama lain.

Tambahan pula, gambar hiasan memaparkan ayat suci al-Quran itu diletakkan di tempat tidak sepatutnya.

Pengunjung pusat pelancongan berkenaan, Mohamad Amir Sudin, 48, berkata, dia kesal apabila mendapati penjualan barangan terbabit yang bercampur hiasan gambar ketuhanan pelbagai agama.

"Saya tertarik melihat gambar berbentuk tiga dimensi dipamerkan untuk dijual di salah satu premis di situ. Kebanyakannya gambar ketuhanan pelbagai agama.

"Tetapi setelah diteliti didapati lebih 10 gambar berbentuk ayat suci al-Quran turut bercampur dengan kepingan gambar ketuhanan

“ Didapati lebih 10 gambar berbentuk ayat suci al-Quran bercampur dengan kepingan gambar ketuhanan agama lain.”

Mohamad Amir

agama lain itu, sedangkan pada saya ini tidak sepatutnya berlaku," katanya.

Tinjauan Sinar Harian ke premis dimaksudkan mendapati kebenaran aduan Mohamad dan menanyakan perkara terbabit kepada penjual di situ.

Bagaimanapun, jurujual berkenaan memberitahu dia hanya pembantu kedai dan tidak tahu bahawa penjualan berkaitan gambar dan tulisan keislaman berkenaan suatu yang sensitif.

Difahamkan kepingan gambar berkaitan keagamaan pelbagai agama itu dijual dengan pelbagai saiz dengan harga antara RM8 ke RM18.

Sementara itu, Presiden Ikatan Relawan Rakyat Insan Muslim Malaysia (Irimm), Amir Amsaa mengakui aduan seumpamanya sering diterima pihaknya.

"Bagaimanapun dalam hal ini, biasanya selepas menerima aduan kita akan panjangkan perkara ini kepada Jais dan pihak berkaitan untuk tindakan

lanjut," katanya.

Katanya, aduan diterima pihaknya bukan sahaja setakat penjualan barangan keislaman dan ayat suci al-Quran di premis tertentu seperti di kedai cenderahati.

"Kita nampak trend kedai bukan Islam menggantung ayat al-Quran, Kaabah dan sebagainya di premis mereka untuk menarik pelanggan kalangan orang Islam juga berleluasa," katanya.

Dalam perkembangan lain, Pegawai Perhubungan Awam, Jabatan Agama Islam Selangor (Jais), Norhamizah Othman ketika dihubungi berkata, pihaknya akan menjalankan pemantauan sekiranya mendapat aduan daripada orang ramai berhubung perkara itu.

"Setakat ini kita belum mendapat aduan orang ramai tetapi kita akan bertindak jika dapat aduan.

"Kita minta mereka yang mempunyai maklumat supaya menghubungi Jais," katanya.